

1004- PEMURNIAN TERHADAP POLEMIK PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI DI MALAYSIA

SITI HAJAR MOHD AFENDI

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur (UM)

shajarafendi@gmail.com

SITI AISHAH BORHANUDDIN

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur (UM)

sitiaishahborhanuddin@gmail.com

MUHAMMAD ZAKI RAMLE

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur (UM)

muhdzakiramle@gmail.com

ABSTRAK

Malaysia merupakan antara 56 negara yang memperuntukkan hukuman mati mandatori semenjak zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Bermula tahun 2018, pihak kerajaan Malaysia telah mengumumkan hasrat untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan berjaya dikuatkuasakan melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) dengan hukuman gantian tertakluk kepada budi bicara mahkamah. Rentetan itu, pengumuman pemansuhan ini telah mengundang polemik dalam kalangan masyarakat awam sehingga menimbulkan pelbagai persepsi hangat di media sosial. Sehubungan itu, kajian ini akan menganalisis hujah-hujah pemurnian Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) dari sudut undang-undang dan perspektif Islam. Pengumpulan data kajian adalah berbentuk kualitatif dan dianalisis secara kandungan melalui bahan rujukan seperti laporan akhbar, artikel jurnal, akta dan laporan kes. Hasil dapatan awal mendapati bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori akan memberi kuasa budi bicara yang lebih luas kepada hakim dalam menilai suatu kes jenayah dan menjatuhkan hukuman alternatif kepada pesalah. Selain itu, pemansuhan ini dapat memperkasakan sistem keadilan jenayah di Malaysia dan memberi hak individu untuk hidup agar selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini juga mendapati pemansuhan tersebut masih bertepatan dengan konsep qisas dalam ajaran Islam yang memberikan hukuman berbentuk alternatif. Walau bagaimanapun, pemansuhan hukuman mati mandatori masih berada di peringkat awal. Justeru, penambahbaikan perlu dibuat seperti pencerahan secara berterusan kepada rakyat bagi merungkai salah faham yang berlaku selama ini. Keadilan setiap pihak khususnya penjenayah dan mangsa juga perlu dititikberatkan, selari dengan objektif utama pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia.

Kata Kunci: Pemurnian, Polemik, Undang-Undang, Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori, Qisas

PENGENALAN

Hak hidup adalah anugerah Allah S.W.T. kepada manusia yang amat dimuliakan (Jasser Auda, 2007). Membunuh seseorang yang tidak bersalah amat ditegah dan berlawanan dengan prinsip *maqasid syariah* iaitu pemeliharaan nyawa. Selain itu, hak hidup juga merupakan hak asasi seorang manusia, sepetimana yang diisytihar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) iaitu Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration of Human Rights (UDHR)*).

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (DBP), hukuman adalah suatu penderitaan yang dikenakan ke atas seseorang yang telah melakukan kesalahan. Bentuk hukuman yang diterima adalah keputusan yang dibuat oleh hakim sebuah kerajaan. Manakala hukuman mati diistilahkan sebagai hukuman yang diperuntukkan dalam sistem perundangan negara dan mesti dijatuhkan kepada pesalah tanpa sebarang pengecualian jika kesalahan jenayah berjaya disabitkan dengan akta perundangan tertentu. Asasnya, terdapat tiga peruntukan akta yang menjatuhkan hukuman mati mandatori (selepas ini disebut sebagai HMM) di Malaysia iaitu; Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta 574: Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, seramai 469 orang telah dihukum mati. Malah sehingga Oktober 2021, seramai 1366 orang berada dalam senarai hukuman mati dan dua pertiga kes disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Harian Metro, 2022). Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi menyatakan purata keseluruhan hukuman mati adalah 73% daripadanya merangkumi kesalahan berkaitan dadah, 25% kesalahan membunuh dan 48% merupakan lain-lain kesalahan (Azmadi, 2019). Sebuah badan bukan kerajaan (*Non-Governmental Organization (NGO)*), *Amnesty International Malaysia* turut berpendapat bahawa 95 peratus pesalah wanita yang dihukum mati adalah atas kesalahan jenayah melibatkan dadah. Oleh yang demikian, pihak tersebut menggesa kerajaan untuk membenarkan budi bicara hakim dalam penjatuhan hukuman ke atas pesalah. Isu ini adalah susulan daripada kes Hairun Jalmani yang didapati memiliki dan mengedar syabu untuk menampung kemiskinan kehidupan beliau bersama 9 orang anak. Kasthuri Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan juga berpandangan bahawa kebanyakan pesalah yang dihukum mati adalah daripada golongan miskin (Malaysia Kini, 2021). Justeru, dapat dilihat bahawa hukuman mati mandatori berkaitan kesalahan pengedaran dadah telah melalui pindaan lebih awal berbanding kesalahan jenayah lain iaitu pada tahun 2017(Luqman Ariff, 2017).

Antara bentuk hukuman mati yang digunakan di pelbagai negara adalah menggunakan kaedah suntikan maut, kerusi elektrik, pancung, tembak, rejam dengan batu dan gantung sampai mati (Farah Marshita, 2016). Namun di Malaysia, Seksyen 277 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) memperuntukkan bahawa apabila seseorang telah dijatuhkan hukuman mati, maka hukuman harus mengarahkan pesalah tersebut digantung dileher sehingga mati dan tidak boleh diubah sebagaimana dalam seksyen 279 Kanun yang sama. Pengecualian hukuman mati boleh diberikan kepada wanita yang sedang mengandung seperti peruntukan seksyen 275 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) dan kepada kanak-kanak di bawah usia 18 tahun di bawah peruntukan seksyen 97 Akta Kanak-kanak dan digantikan dengan penjara sebagaimana yang terkandung di dalam seksyen-seksyen yang disebutkan.

Berhubung dengan hak hidup yang dimiliki oleh setiap manusia, hukuman mati terutama hukuman berbentuk mandatori seringkali menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat mahupun di peringkat antarabangsa (Mohamed Adil, 2022). Sebahagian pihak menyokong sepenuhnya hukuman mati yang menyerupai hukuman digariskan syariat iaitu hukuman *qisas* (balas balik). Namun sebahagian pihak tidak menyokong peruntukan hukuman mati dengan alasan memberi keadilan dan budi bicara kepada pesalah. Kemudian setelah kerajaan Malaysia akhirnya menguatkuasakan pemansuhan HMM secara rasmi pada pertengahan tahun 2023, pelbagai bentuk pandangan diberikan daripada masyarakat mahupun ahli perundangan. Justeru artikel ini akan memberi pencerahan dan membetulkan tanggapan salah masyarakat terhadap pindaan peruntukan iaitu pemansuhan HMM.

SOROTAN KAJIAN

Sejarah Pelaksanaan dan Kedudukan Hukuman Mati Di Malaysia

Pelaksanaan hukuman mati di Malaysia telah mula dikodifikasikan sejak 605 tahun lalu sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka ketika era pemerintahan Megat Iskandar Syah, Sultan Muhammad Syah dan Sultan Muzaffar Syah melalui peruntukan dalam Hukum Kanun Melaka (HKM) serta melalui proses pindaan dan penambahan fasal untuk mengelakkan campur aduk antara hukum Islam dan hukum adat (Abdul Aziz, 2015). Pindaan ini merangkumi perkara berhubung *muamalat*, ibadah, *munakahat* dan jenayah (Nor Shah, 2023). Walaupun hukuman mati berbentuk mandatori baru diperkenalkan lebih tiga dekad yang lalu (Harian Metro, 2022), namun secara tidak langsung membuktikan bahawa pengaplikasian hukuman mati ini telah mula dikodifikasikan sebelum kedatangan penjajah Barat ke Tanah Melayu lagi (Rahmath Nisa & Jal Zabdi, 2014). Terdapat tiga bentuk hukuman dalam peruntukan undang-undang jenayah Islam yang telah diklasifikasikan di dalam HKM iaitu; *hudud*, *qisas* dan *takzir* (Segu Alavudin & Mohd Yusoff, 2014). Adapun Hukuman mati tergolong dalam kategori *qisas* yang meletakkan hukuman yang sama ke atas pelaku seperti membunuh hendaklah dibalas dengan bunuh. (Nor Shah, 2023). Justeru, proses penetapan hukuman mati yang diperuntukkan dalam HKM telah dinilai dipengaruhi oleh agama Islam dalam bidang jenayah.

Penetapan dan penguatkuasaan hukuman mati yang diaplikasikan kini di negara ini adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan hanya melibatkan bidangkuasa perundangan serta kehakiman persekutuan. Sejajar dengan itu, hukuman mati di dalam perundangan jenayah telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu HMM dan hukuman mati berdasarkan budi bicara hakim (Yusof & Azmi, 2022). HMM merupakan hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan seseorang tanpa pilihan hukuman lain atau hukuman ganti untuk dijatuhkan melainkan hukuman gantung sampai mati secara muktamad. Manakala hukuman mati berdasarkan budi bicara hakim ialah hukuman yang tidak terikat kepada HMM sahaja tetapi boleh digantikan dengan hukuman penjara seumur hidup serta sebatan (Bernama, 2019). Pembahagian pelaksanaan hukuman mati ini telah membuktikan hukuman mati masih kekal diaplikasikan secara sah meskipun terdapat anjakan peredaran zaman dan pelbagai bentuk peralihan kuasa pemerintahan.

Sehubungan itu, terdapat 12 kesalahan boleh dijatuhkan HMM dengan sembilan daripadanya diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan dan dua lagi diperuntukkan di dalam Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Bernama, 2019). Di bawah peruntukan Akta 574 Kanun Keseksaan, beberapa seksyen dengan jelas telah memperuntukkan HMM sebagai hukuman terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan. Seksyen-seksyen tersebut ialah:

1. Seksyen 121A mengenai berperang atau cuba berperang atau bersubhat untuk berperang dengan Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
2. Seksyen 130C mengenai perbuatan keganasan samada secara langsung ataupun tidak langsung.
3. Seksyen 130I mengenai perbuatan mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas dan mengakibatkan kematian.
4. Seksyen 130N memberikan atau mengumpul harta untuk perbuatan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.

5. Seksyen 130O mengenai memberikan perkhidmatan kewangan kepada penganas samada secara langsung atau tidak namun dengan tujuan memberikan kemudahan hingga menyebabkan kematian.
6. Seksyen 130QA mengenai menerima mana-mana suapan bertujuan memudahkan atau membolehkan tindakan penganas dan jika mengakibatkan kematian.
7. Seksyen 130ZB mengenai penerimaan suapan bagi memudahkan atau membenarkan aktiviti jenayah terancang serta menyebabkan kematian.
8. Seksyen 302 mengenai seksaan bagi perbuatan membunuh orang.
9. Seksyen 374A mengambil tebusan.
10. Seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalty Lebih Berat) 1971 mengenai tembakan yang dilepaskan daripada sesuatu senjata api dengan niat mematikan atau mencederakan seseorang.
11. Seksyen 3A Akta Senjata Api (Penalty Lebih Berat) 1971 mengenai rakan jenayah atau rakan subahat yang melepaskan tembakan senjata api dengan niat mematikan atau mendatangkan kecederaan samada cuba menyubahati atau mengetahui adanya senjata api itu melainkan dia berjaya membuktikan telah mengambil langkah yang munasabah untuk mencegah daripada melepaskan tembakan itu.

Seterusnya, terdapat 22 kesalahan yang berada di bawah budi bicara mahkamah antaranya kesalahan yang terkandung dalam peruntukan Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961 mengenai penculikan, penahanan, atau pengurungan secara salah untuk mendapatkan tebusan dan seksyen ini akan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan. Seterusnya, Seksyen 121 Kanun Keseksaan mengenai kesalahan melancarkan atau percubaan untuk melancarkan perang atau bersubahat untuk melancarkan perang dan melakukan kesalahan terhadap tubuh Yang di-pertuan Agong, Raja atau Yang di-pertua Negeri (Yusof & Azmi, 2022). Pengecualian yang diberikan dalam kes-kes di bawah budi bicara mahkamah boleh dinilai fleksibel kerana hakim mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain hukuman mati bergantung kepada beban bukti dan fakta-fakta kes. Jika wujudnya keraguan atau *prima facie*, kebijaksanaan hakim dalam menilai sesuatu kes sangat diperlukan agar setiap individu mendapatkan hak secara adil menurut perundangan.


Proses Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori (HMM) di Malaysia

Sehingga penghujung tahun 2017, *Amnesty International Global Report* melaporkan tren pemansuhan hukuman mati di peringkat antarabangsa adalah sebanyak 106 buah negara dalam semua undang-undang berkaitan kesalahan jenayah. Manakala 142 negara telah memansuhkan hukuman mati di peringkat undang-undang umum mereka (Mohamed Adil, 2022). Berdasarkan rekod, Pennsylvania merupakan negeri pertama yang telah memansuhkan hukuman mati pada tahun 1834 (Nelvitia Purba, 2016). Beberapa negara lain turut mengikuti jejak yang sama untuk memansuhkan hukuman mati seperti Norway, Iceland, Panama, Uruguay, Brazil, Costa Rica, Colombia, Jerman, Finland, England, Sweden, Itali dan Switzerland (Yusof & Azmi, 2022). Sementelah, 30 buah negara di Afrika turut menyertai untuk memansuhkan hukuman mati dalam perundangan mereka (Malaysia, 2021). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negara yang telah melalui pemansuhan dan penerapan semula hukuman mati di negara mereka seperti beberapa buah negeri di Amerika Syarikat.

Pemansuhan hukuman mati di peringkat antarabangsa telah mula diperdebatkan pada tahun 1767 oleh gerakan *Abolitionis* dengan hujah bahawa negara tidak berhak membunuh

rakyatnya sesuka hati (Nelvitia Purba, 2016). Di Malaysia, pemansuhan hukuman mati secara global telah disuarakan melalui pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Lawyer of Liberty* (LFL), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *National Human Right Society* (HAKAM) *Amnesty International*, *Bar Council* Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (Yusof & Azmi, 2022). Justeru, pemansuhan HMM telah melalui beberapa proses sebelum diterima untuk diperundangkan dengan rasmi serta diaplikasikan di negara keseluruhannya. Rajah berikut menunjukkan ringkasan kronologi proses pemansuhan HMM:

Rajah 1: Ringkasan Kronologi Proses Pemansuhan HMM



(Sumber: Ilustrasi Kajian)

Pada peringkat awal, pertubuhan badan bukan kerajaan di Malaysia iaitu *Amnesty International Malaysia* dan *National Human Right Society* (HAKAM) secara tidak rasmi telah mengkritik dasar penetapan HMM dan memberi cadangan untuk memansuhkan hukuman tersebut secara sistematis di negara ini (Abdul Khalil, 2022). Setelah beberapa tahun, cadangan berkenaan pemansuhan HMM telah diutarakan semula melalui manifesto Pakatan Harapan jika parti tersebut memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) dengan pernyataan bahawa HMM merupakan suatu hukuman yang menekan dan menzalimi rakyat (Albab, 2018). Manifesto yang dibawakan ini sekaligus menimbulkan semula isu yang berkaitan dengan impak positif dan negatif terhadap pemansuhan HMM. Walau bagaimanapun, pindaan HMM berkaitan RUU Dadah Berbahaya Akta 234 di bawah peruntukan seksyen 39B telah berjaya dilaksanakan bermula pada penghujung 2017 dengan gantian budi bicara mahkamah (luqman Ariff, 2017). Pemansuhan secara tunggal dan terawal ini telah terpakai serta merta hingga ke hari ini.

Seterusnya, *Amnesty International Malaysia*, *National Human Right Society* (HAKAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada tahun 2018 telah memberi maklum balas serta memberi sokongan secara total agar kerajaan memansuhkan HMM di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971). Dalam hal ini, SUHAKAM telah bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri untuk menyusun semula cadangan pemansuhan HMM, mengkaji serta membuat syor hukuman alternatif bagi menggantikan HMM ke atas banduan akhir jika pemansuhan HMM dikuatkuasakan dan menganjurkan satu sesi konsultasi mengenai syor tersebut bersama pihak kerajaan, Majlis Peguam dan badan bukan kerajaan. Secara umumnya,

terdapat lapan (8) syor yang dibangkitkan oleh SUHAKAM berkenaan pemansuhan HMM ini iaitu (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2019):

1. Menggantikan HMM dengan penjara seumur hidup bagi tempoh 30 tahun.
2. Kerajaan perlu memberi perhatian terhadap kewajaran pelaksanaan HMM berbanding tahap keseriusan suatu kesalahan.
3. Tidak bersetuju dengan hukuman penjara sepanjang hayat dan sebatan sebagai hukuman alternatif.
4. Perlindungan dan panduan amalan terbaik yang perlu diwujudkan dan dilaksanakan dalam mahkamah.
5. Memperbaiki keadaan penjara dan tahap layanan terhadap banduan
6. menyeru agar semakan dan penghukuman semula ke atas banduan akhir digantikan dengan hukuman penjara pro rata atau dibebaskan dengan syarat.
7. *Diyat* sebagai hukuman alternatif untuk menggantikan HMM untuk kesalahan membunuh kemungkinan akan bercanggah dengan prinsip SUHAKAM.
8. Mahkamah tinggi boleh menggunakan seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah mengenai perintah pembayaran pampasan kepada wakil si mati setelah hukuman dijatuhkan bagi jenayah membunuh kerana pelaksanaan *diyat* tidak menjamin keadilan dari sudut kewangan.

Rentetan daripada cadangan yang disyorkan oleh SUHAKAM, Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu YB Liew Vui Keong telah mengumumkan pada tahun yang sama bahawa kabinet telah bersetuju untuk memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan di bawah lapan akta undang-undang termasuk seksyen 302 Kanun Keseksaan mengenai pembunuhan. Hal ini disebabkan Pejabat peguam Negara yang ditugaskan untuk menyediakan kertas perundangan berkaitan pemansuhan hukuman mati telah berada dalam proses peringkat akhir menyelesaikan usul kepada pindaan hukuman tersebut. Pada tahun 2019, perkara ini telah mendapat respon positif dan persetujuan daripada kerajaan untuk memansuhkan HMM serta menggantikannya kepada hukuman mati atas budi bicara hakim terutama kesalahan yang membawa HMM di bawah Akta 574 Kanun Keseksaan dan dua Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Hairulazim & Abdul Hamid, 2019). Walau bagaimanapun, usul kepada pindaan mengenai pemansuhan hukuman mati tergantung seketika dipercayai penularan covid-19 di negara ini pada tahun 2019 hingga tahun 2021.

Pada 10 Jun 2022, isu pemansuhan HMM telah dibangkitkan semula melalui kenyataan media oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) yang kekal bersetuju untuk melaksanakan HMM di samping penerimaan syor-syor Jawatankuasa Khas Hukuman Gantian terhadap HMM (Wan Junaidi, 2022). Oleh itu, usul mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Pemansuhan HMM 2023 serta RUU Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidangkuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 telah dibentangkan semula pada 17 Mac 2023 (DMedia, 2023) kemudian telah diluluskan dengan rasminya oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2023. Rentetan itu, sebuah warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 30 Jun 2023 mengenai tarikh penguatkuasaan pemansuhan HMM rasmi daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) iaitu Datuk Seri Azalina Othman Said melalui Jabatan Peguam Negara telah diumumkan setelah berunding dalam pelbagai perkara (Bernama, 2023).

Susulan itu, Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) telah dikuatkuasakan serta merta secara rasmi pada tarikh 4 Julai 2023. Menerusi peruntukan subseksyen 1(2) Akta 846 juga, tiada lagi HMM serta pemerjaraan sepanjang hayat di negara ini (Penerbitan, 2023). Justeru, mahkamah mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap pesalah atau digantikan dengan pemerjaraan tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun. Sekiranya pesalah tidak dijatuhkan hukuman mati, maka hendaklah digantikan dengan hukuman sebatan tidak kurang daripada 12 kali (Bernama, 2023). Pemansuhan ini dinilai dapat menjamin hak seseorang untuk hidup dan memberi pemulihan ke atas banduan untuk kembali berkhidmat kepada keluarga, masyarakat dan negara seusai menjalani hukuman.

Pandangan yang Menyokong Pemansuhan HMM

Isu hukuman mati telah menerima banyak pandangan daripada pihak berautoriti seperti pihak penguatkuasa undang-undang, pakar sosiologi dan kriminologi sehingga menimbulkan kontroversi dan persepsi masyarakat di media sosial (Nelvitia Purba, 2016). Persepsi ini telah melahirkan pandangan masyarakat yang berbeza sama ada dari pihak yang menyokong, menolak dan pandangan yang bersifat sederhana. Laporan daripada *New Straits Time* mencatatkan kira-kira 82% masyarakat secara majoritinya telah menolak pemansuhan HMM dan baki 18% lagi menyokong pemansuhan tersebut. Manakala petisyen atas talian yang telah dilakukan oleh *Protect Malaysia* turut memperlihatkan sejumlah 60,000 sokongan yang ingin HMM dikekalkan (Aminuddin, 2019).

Bagi golongan pejuang hak asasi manusia, mereka memberi sokongan sepenuhnya terhadap pemansuhan HMM ini. Golongan ini berpendapat bahawa pemansuhan HMM adalah lebih bersifat berperikemanusiaan. Bagi kes tertentu seperti kesalahan mengedar dadah atau membunuh, pesalah sama sekali tidak berpeluang memperjuangkan hak hidup kerana tiada peruntukan bentuk hukuman lain selain hukuman mati. Oleh itu, tindakan memansuhkan hukuman ini akan lebih memberi keadilan kepada setiap pihak secara umumnya (Harian Metro, 2022). Selain itu Ramizah Wan Muhammad melihat bahawa pemansuhan ini mampu memberi peluang kedua kepada tertuduh yang berkemungkinan menginsafi perbuatan jenayah yang dilakukan (Berita Harian, 2022).

Pemansuhan HMM amat disokong oleh pihak-pihak yang banyak mengendalikan kes dadah seperti peguam. Peruntukan HMM dilihat sama sekali tidak membantu mengurangkan kadar statistik jenayah melibatkan dadah di Malaysia. Malah, aktivis hak asasi manusia berpendapat bahawa peruntukan HMM telah mewujudkan prinsip sifar toleransi bagi kes dadah. HMM telah mula diperuntukkan bagi kes dadah pada tahun 1983 atas faktor dadah boleh menyebabkan kematian jika terlebih dos. Walaupun pesalah boleh dijatuhkan HMM, namun kadar jenayah yang tinggi tetap berlaku. Contohnya, pihak polis telah menjumpai dadah bernilai hampir RM1 bilion pada Januari hingga November tahun 2022 (Harian Metro, 2022). Kebanyakan tangkapan kes berlaku kepada ‘keldai’ dadah, iaitu orang yang mengedar dadah. Mereka akan dihukum mati sedangkan orang yang mengetuai sindiket dadah tersebut masih bebas (Haron, 2019).

Selain kes dadah, analisis yang diperoleh terhadap kajian data Biro Penyiasatan Persekutuan AS juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan angka statistik bagi kes pembunuhan. Dalam tempoh 1990 sehingga 2019, didapati bahawa negara yang tidak memperuntukkan hukuman

mati mempunyai kadar jenayah bunuh yang lebih sedikit berbanding negara yang melaksanakan hukuman tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan HMM tidak berjaya dalam usaha pencegahan jenayah di Malaysia (Harian Metro, 2022).

Dalam mengutamakan pencegahan terhadap peningkatan kadar jenayah, pihak mahkamah perlu mengutamakan tujuan hukuman diperuntukkan iaitu dengan menitikberatkan pemulihan diri pesalah untuk kembali kepada masyarakat. Selain itu, penjatuhan hukuman juga adalah bertujuan untuk mendidik dan membimbing pesalah untuk menjadi anggota masyarakat yang bermanfaat demi menjamin keamanan negara (J.E. Sahetapy, 2009). Seiring dengan pensyariatan Islam, hukuman juga diberikan kepada pesalah dalam bentuk *hudud*, *qisas* atau *takzir* yang tidak bertujuan untuk menghukum semata-mata, malah memberi pengajaran kepada umat Islam.

...وَالَّتِي تَحَافُونَ نُشُرَزُ هُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرَبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنُكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ
سَيِّلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْاً كَبِيرًا (٣٤)

Maksudnya:

“Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah S.W.T Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

An-Nisa’ (4):34

Maka dalam hal ini, Mohamed Azam berpendapat bahawa pemansuhan HMM ini masih selari dengan ajaran Islam. Seiring dengan konsep hukuman *qisas* dalam Islam, hukuman gantian perlu dipersetujui waris sama ada pesalah dihukum bunuh atau diberi peluang hidup dan membayar *diyat* (Berita Harian, 2022). Justeru, pemansuhan ini dinilai masih menyokong agama Islam seterusnya menepati prinsip dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Pandangan Yang Tidak Menyokong Pemansuhan HMM

Di Malaysia, hukuman mati merupakan hukuman paling berat dijatuhkan ke atas seorang pesalah. Golongan yang tidak menyokong pemansuhan HMM ini termasuklah pihak keluarga mangsa bunuh di mana pemansuhan hukuman ini dipandang tidak memberi keadilan ke atas kematian ahli keluarga yang disebabkan oleh perlakuan jenayah (Harian Metro, 2022). Bagi sesetengah pihak, hukuman selain mati tidak mampu menandingi kesengsaraan waris mangsa. Malah Zulkarnain (bapa mangsa bunuh) berpandangan bahawa seorang pembunuh tidak layak sama sekali untuk diberi pilihan menerima hukuman selain hukuman mati (Noh, 2022).

Selain itu, muncul kegusaran dalam kalangan masyarakat setelah kerajaan membuat keputusan untuk memansuhkan HMM secara rasmi. Hal ini kerana tiada jaminan terhadap keamanan negara jika hukuman mati dimansuhkan. Malah statistik membuktikan jenayah di Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2022 menunjukkan angka yang tinggi:

Rajah 1.2: Statistik Jenayah Berat di Malaysia Tahun 2016 hingga 2022

Jenis Jenayah	Kadar Jenayah
Mencederakan	44,679
Membunuh	6,911
Curi Meragut	2,607
Samun Bersenjatapi	600

(Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES))

Ahli waris keluarga mangsa berpandangan peruntukan sedia ada tidak mampu untuk mengekang perlakuan jenayah, apatah lagi jika dimansuhkan HMM (Alias & Kamarudin, 2019). Walaupun kadar statistik jenayah berat berada dalam keadaan membimbangkan, namun peruntukan hukuman mati sedikit sebanyak memberi jaminan bahawa seseorang akan berasa takut untuk meneruskan jenayah. Seterusnya pihak NGO, Gerakan Pembela Ummah (UMMAH) turut mengesyaki bahawa terdapat *conflict of interest* dalam keputusan pemansuhan HMM. Ini berikutan kerana golongan penyokong pemansuhan ini terdiri daripada sekumpulan peguam sivil yang mewakili tertuduh (Alias & Kamarudin, 2019).

Di samping itu, hak hidup adalah hak manusia sehingga manusia tersebut membuat pilihan tersendiri. (Nelvitia Purba, 2016) berpandangan bahawa seorang pengedar dadah yang melakukan jenayah secara tidak langsung telah memilih untuk mati dengan cara dihukum mati oleh pihak mahkamah. Selain itu, teori pembalasan turut dikaitkan dengan bentuk hukuman *qisas* dalam pensyariatan Islam. Oleh itu, sesetengah pihak cenderung dengan penekalan HMM di Malaysia dalam usaha memartabatkan hukuman-hukuman Islam.

Pandangan Yang Sederhana Terhadap Pemansuhan HMM

Bagi golongan yang sederhana, mereka menyokong penuh terhadap undang-undang jenayah Islam seperti pelaksanaan *hudud* dan *qisas* kepada pesalah. Namun golongan ini turut meraikan cadangan daripada pihak kerajaan yang ingin memansuhkan terma mandatori hukuman mati di Malaysia. Hukuman di Malaysia adalah berbentuk *takzir* iaitu hukuman daripada pemerintah negeri yang tidak boleh melebihi takat hukuman *hudud* atau *qisas* (Mohamed Azam, 2022). Sebagai contoh, seorang Muslim di Malaysia yang minum arak tidak boleh disebat melebihi 80 kali. Justeru, hukuman yang diberikan oleh hakim adalah berdasarkan budi bicara pihak mahkamah dan kearifan hakim berdasarkan fakta serta bukti kes yang dilampirkan (Harian Metro, 2022).

Seterusnya setiap kesalahan jenayah yang dilakukan perlu diberi balasan yang setimpal. Kamal Affandi Hashim berpandangan bahawa keputusan kerajaan untuk memansuhkan HMM ini pasti dilakukan setelah meneliti kajian kes secara mendalam. Isu peningkatan kes jenayah susulan pemansuhan ini adalah tidak relevan sama sekali. Hal ini adalah kerana seseorang yang mempunyai hasrat yang kuat untuk melakukan jenayah pasti akan meneruskannya juga tanpa memikirkan hukuman (Bernama, 2022). Malah, kerajaan juga sudah memberi jaminan bahawa penguatkuasaan Akta 846 ini tidak akan meningkatkan kadar jenayah (Buletin TV3, 2023). Justeru, disimpulkan bahawa golongan pertengahan ini yakin dengan tindakan kerajaan yang bertindak setelah penganalisaan dan penelitian dilakukan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori (HMM) dari Sudut Perundangan

Dalam usaha memurnikan isu pemansuhan HMM, kajian ini mendatangkan perbahasan daripada dua aspek iaitu sudut perundangan dan perspektif Islam. Berdasarkan tanggapan umum, masyarakat berpendapat pemansuhan HMM yang diisyiharkan oleh kerajaan Malaysia merupakan penghapusan hukuman mati secara total. Hakikatnya, HMM hanya dipinda bagi 11 kes tertentu sahaja seperti yang termaktub dalam Akta 574 Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalty Lebih Berat) 1971.

Bagi memurnikan tanggapan salah ini, hukuman mati masih kekal dan tidak dimansuhkan sepenuhnya di Malaysia. Hukuman ini masih wujud untuk memberi kuasa terhadap hakim dalam memperkasakan budi bicara di mahkamah. Sebagai contoh, kes melibatkan seorang lelaki, Luqman Hadi Mustapa yang berumur 33 tahun telah dituduh membunuh tiga orang ahli keluarga. Beliau juga didapati melakukan percubaan membunuh ke atas dua orang ahli keluarga yang lain. Walaupun rayuan telah dibuat di Mahkamah Rayuan dengan alasan tertuduh berada di bawah pengaruh dada ketika perlakuan jenayah (Seksyen 84 Kanun Keseksaan), namun kes ini gagal membuktikan kewujudan *prima facie*. Justeru hukuman mati tetap dikekalkan dengan mengambil kira keseluruhan bukti dan tertuduh jelas tidak menghargai nyawa (Bernama, 2023).

Di samping itu, pemansuhan HMM dapat memberi lebih keadilan kepada tertuduh ketika pembelaan diri setelah disabitkan kesalahan jenayah. Selain mengutamakan keadilan terhadap mangsa, pihak mahkamah juga perlu memberi keadilan kepada tertuduh. Hak untuk hidup juga telah digariskan dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Justeru, jika pihak mahkamah berpendapat bahawa kes tersebut terlalu berat dan memerlukan kepada hukuman berat, hukuman mati tetap boleh dilaksanakan. Sebagaimana undang-undang diperuntukkan dalam sesebuah negara, kesejahteraan setiap masyarakat akan dinilai dan diutamakan.

Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori (HMM) dari Sudut Perspektif Islam

Langkah kerajaan ingin menguatkuasakan pemansuhan HMM sebenarnya adalah selari dengan ajaran Islam yang menekankan aspek keadilan dan penjagaan nyawa manusia (*hifz nafs*). Menurut Datuk Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), menyebutkan bahawa pemansuhan HMM bertujuan untuk menghargai nyawa setiap individu. Bahkan, keadilan perlu diberi terhadap semua pihak sama ada tertuduh maupun mangsa jenayah (Yusof, 2023). Konsep menghargai nyawa individu adalah prinsip kedua *maqasid syariah*. Nyawa manusia tidak boleh ditamatkan sewenang-wenangnya tanpa hak kerana nyawa hanya boleh diambil dalam keadaan tertentu dengan syarat yang ketat. Melalui penekanan ini, pemansuhan HMM dapat memberi hakim kebebasan untuk menentukan hukuman yang adil kepada pesalah tanpa terikat dan dibelenggu undang-undang mandatori yang membawa kepada hukuman mati semata-mata.

Dari sisi lain, pemansuhan HMM bertepatan dengan konsep *qisas* dalam Islam iaitu menyediakan hukuman alternatif sebagai balasan setimpal kepada pesalah. Umumnya, undang-undang *qisas* mempunyai hukuman berbentuk balasan balik, bayaran *diyat* kepada waris mangsa atau memaafkan pesalah sepenuhnya. *Qisas* dianggap kesalahan individu menyentuh

kepentingan perseorangan (*haq al-fard/ibad*). Maka waris mangsa berhak membuat pilihan sama ada pembunuhan dibunuh balas atau menggantikan nyawa dengan *diyat* (*blood money*) sebagai alternatif terbaik (Mohamed Adil, 2022). Adapun Rang Undang-Undang (RUU) Pemansuhan HMM 2023 yang diluluskan Dewan Rakyat pada 3 April 2023 adalah selari dengan konsep hukuman alternatif *qisas* samada tertuduh boleh dihukum mati atau penjara sepanjang hayat dan sebatan. Melalui peruntukan ini, mahkamah mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemerlajaran bagi tempoh 30 hingga 40 tahun dan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan sebatan tidak kurang daripada 12 kali (Berita Harian, 2023).

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan daripada para ilmuan agar pelaksanaan konsep *diyat* atau pampasan dalam perundangan sivil dapat dijadikan sebagai hukuman alternatif bagi pemansuhan HMM. Namun, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) memaklumkan hukuman *diyat* tidak boleh disabitkan di peringkat mahkamah syariah berikutan penglibatan mangsa jenayah seperti kes bunuh atau mendatangkan kecederaan (Azis, 2022). Mahkamah syariah tiada peruntukan hukuman mati kerana jenayah berat berada di bawah kuasa mahkamah sivil. Justeru, terdapat keperluan untuk melakukan pindaan terhadap beberapa peruntukan undang-undang bagi mengimbangi hukuman *diyat* dan mati mandatori. Sekiranya konsep *diyat* dapat diaplikasikan dalam perundangan sivil, ini menjadi penanda aras yang lebih baik kerana sebahagian hukum Islam dapat dipraktikkan walaupun tidak dilaksanakan melalui undang-undang jenayah syariah (Fahiz Ariff, 2023).

Meskipun jenis hukuman alternatif bagi pemansuhan HMM agak berbeza dengan hukuman alternatif *qisas*, namun kombinasi hukuman pemerlajaran dan sebatan merupakan hukuman yang wajar serta dilihat lebih berat berbanding hukuman jenayah sivil yang lain. Ini dapat difahami melalui kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Ramkarpal Singh yang mengatakan bahawa hukuman gantian ini adalah setimpal dengan keseriusan jenayah yang dilakukan dan tidak mengakibatkan kejanggalan dengan hukuman lain yang kurang serius (Utusan Borneo, 2023). Oleh yang demikian, di sebalik objektif utama hukuman alternatif ialah memberi peluang kedua kepada tertuduh untuk memperbaiki diri seterusnya menjadi rakyat yang patuh kepada hukum syarak dan perundangan (Berita Harian, 2023). Selain itu, hak waris juga akan terpelihara berdasarkan budi bicara dan kebijaksanaan hakim.

Cadangan Penambahbaikan Kerajaan dan Mahkamah

Hasil kajian yang dijalankan membawa kepada beberapa cadangan usaha yang boleh dilakukan khususnya kepada pihak berautoriti. Cadangan ini diutarakan dalam usaha menambah baik institusi kehakiman di Malaysia secara umum. Pertama, pihak kerajaan perlu berusaha untuk memberi penerangan secara berterusan kepada masyarakat awam seperti di peringkat sekolah atau agensi pekerjaan. Hal ini kerana dapat lihat dalam media sosial bahawa masih terlalu ramai pihak yang masih belum jelas dengan konsep undang-undang.

Kedua, pihak berautoriti perlu mewujudkan satu jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada pakar-pakar bidang perundangan negara bagi mendiskusi dan menganalisis secara mendalam berkenaan pelan tindakan atau proses yang jelas dalam sistem mahkamah memandangkan

pemansuhan HMM ini masih di peringkat awal. Tinjauan boleh dilakukan terhadap negara-negara lain yang berjaya melaksanakan pemansuhan ini.

Seterusnya, penelitian semula falsafah undang-undang berkenaan juga boleh dilakukan sepetimana usaha kerajaan meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 pada tahun 2017 yang menunjukkan pengurangan HMM kepada pesalah (Mohamed Adil, 2022). Setelah dipinda, pengedar dadah boleh dipenjara 30 tahun atau dihukum mati (Berita Harian, 2022). Malah Mantan Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar berpendapat bahawa pihak kerajaan kini perlu menyemak kembali definisi pengedar, penagih atau pesakit yang memerlukan rawatan berunsurkan dadah (Haron, 2019).

Bagi kes dadah, pendekatan berasaskan rawatan dalam isu penyalahgunaan dadah boleh dilaksanakan dengan berpandangan bahawa ketagihan dadah juga adalah suatu penyakit. Pesalah boleh diberi peluang rawatan jika sesuai disamping hukuman pemenjaraan (Harian Metro, 2022). Walaupun begitu, perlu ditegaskan bahawa perlakuan jenayah tetap dianggap sebagai suatu kesalahan namun hukuman yang diberikan juga harus setimpal. Hukuman mati kepada seorang pengedar dadah yang miskin tidak akan mampu membebaskan golongan ini daripada kemiskinan (Malaysia Kini, 2021).

Sebagai lanjutan, kajian mendalam juga boleh dilakukan dalam usaha memurnikan pemansuhan HMM di Malaysia. Melalui metode temu bual di lapangan, beberapa pihak berkepentingan seperti hakim di mahkamah atau peguam boleh ditemu bual dalam proses pengumpulan data.

PENUTUP

Hukuman jenayah Islam adalah bermatlamatkan hukuman balas yang setimpal, pemulihan diri pesalah dan pencegahan daripada peningkatan kadar jenayah. Melihat kepada sejarah pelaksanaan dan kedudukan hukuman mati di Malaysia, pengaplikasian hukuman mati telah lama wujud sebelum zaman kemerdekaan. Dapat dinilai bahawa keputusan kerajaan dalam pemansuhan HMM merupakan usaha untuk memberi keadilan kepada pesalah dengan mengukuhkan konsep hak hidup setiap manusia. Berikutan peruntukan HMM yang sudah lama wujud, pelbagai bentuk respon diterima dari masyarakat. Namun perlu ditegaskan bahawa hukuman mati secara umum masih wujud bagi kesalahan berat, hanya hukuman berbentuk mandatori dimansuhkan. Pemansuhan HMM menjadi jalan tengah untuk menamatkan hukuman mandatori bersifat rigid dan menamatkan hukuman mati bagi kesalahan ringan. Seiring dengan peredaran zaman dan cabaran masyarakat pada masa kini, alternatif hukuman yang setimpal dengan tahap keseriusan kes perlu dilaksanakan. Pengubal undang-undang perlu bertindak memurnikan pemansuhan HMM bagi mencapai tujuan peruntukan perundungan yang signifikan. Hal ini tidak bermaksud bahawa peruntukan sebelum ini zalim atau tidak berkesan sama sekali, hanya langkah yang lebih agresif perlu dilakukan untuk mengurangkan jenayah. Konklusinya, setiap peruntukan yang ditetapkan perlu dipastikan masih berlandaskan syariat Islam selari dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, S. (2015). The Continuing Debate on Death Penalty: an Exposition of International, Malaysian and the Shari'Ah Perspective. IIUM Law Journal, 23(1), 61–84. <https://doi.org/10.31436/iumlj.v23i1.156>
- Abdul Khalil, S. (2022). Siyāsah Syar'iyyah Approach in Dealing with Current Criminal Legislation Issues in Malaysia. Jurnal Fiqh, 19(2), 157–188.
- Albab, A. (2018). Pakatan Mansuh Hukuman Mati Jika Menang PRU14. *My News Hub*. <https://www.mynewshub.tv/2018/04/pakatan-mansuh-hukuman-mati-jika-menang-pru14/>. Diakses pada 23 September 2023.
- Alias, A. & Kamarudin, F. (2019). Ramai Bantah Mansuh Hukuman Mati Mandatori. *Berita Harian*. Laman Sesawang Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (Jabatan Perdana Menteri). <https://www.bheuu.gov.my/index.php/media/keratan-akhbar/1548-ramai-bantah-mansuh-hukuman-mati-mandatori>. Diakses pada 29 September 2023.
- Aminuddin, Y. (2019). *Jangan mansuh hukuman mati*. Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/columns/465132>, Diakses Pada 14 Oktober 2023.
- Azmadi, S. (2019). Hukuman Mati di Malaysia. *The Centre*. <https://www.centre.my/post/hukuman-mati-di-malaysia>. Diakses pada 29 September 2023.
- Berita Harian Online. (2023). Usah Jatuhkan Hukuman Alternatif Kepada Pesalah Jenayah Syariah Sewenang-Wenangnya. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/05/1106237/usah-jatuhkan-hukuman-alternatif-kepada-pesalah-jenayah-syariah>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Muhammad, R.W. (2022). Hukuman mati patut kekal dalam sistem undang-undang jenayah. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/06/968536/hukuman-mati-patut-kekal-dalam-sistem-undang-undang-jenayah>. Diakses pada 9 Oktober 2023.
- Bernama (a). (2019). Mansuh hukuman mati mandatori, hakim punya budi bicara lebih luas. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/586334/mansuh-hukuman-mati-mandatori-hakim-punya-budi-bicara-lebih-luas>. Diakses pada 9 oktober 2023.
- Bernama (b). (2022). Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori Bukan Faktor Kes Jenayah Bertambah - Kamal Affandi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-bukan-faktor-kes-jenayah-bertambah-kamal-affandi-366055>. Diakses pada 12 Oktober 2023.
- Bernama (c). (2023). Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 berkuat kuasa esok. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121908/akta-pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-2023-berkuat-kuasa-esok>. Diakses pada 8 Oktober 2023.
- Bernama (d). (2023). Mahkamah Persekutuan Kekal Hukuman Mati Penganggur Bunuh Tiga Anggota Keluarga Angkat. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-persekutuan-kekal-hukuman-mati-penganggur-bunuh-tiga-anggota-keluarga-angkat-438087>. Diakses pada 10 Oktober 2023.
- Bernama (e). (2023). Mahkamah Rayuan Kekalkan Hukuman Mati Terhadap Ahli Perniagaan Edar Ganja. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-mati-terhadap-ahli-perniagaan-edar-ganja-430938>. Diakses pada 10 Oktober 2023.

- Bernama (f). (2023). Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 Berkuat Kuasa Esok. *Berita Harian Online.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1121908/akta-pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-2023-berkuat-kuasa-esok>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Buletin TV3. (2023). Hukuman Mati Mandatori | Pemansuhan Tidak Akan Tingkatkan Kes Jenayah. <https://www.youtube.com/watch?v=cKpptAHH0v0>. Diakses pada 2 Oktober 2023.
- Diana Azis. (2022). JKSM, AGC Selesai Bincang Perlaksanaan Hukuman Diyat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/223953/khas/wacanaquran/jksm-agc-selesai-bincang-perlaksanaan-hukuman-diyat>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- DMedia. (2023). Kenyataan Media RUU Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 dan RUU Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023. *DMedia*. <https://dmedia.penerangan.gov.my/upload/km/27032023.1019312168.pdf>. Diakses pada 9 Oktober 2023.
- Fahiz Ariff. (2023). Undang-Undang Jenayah Islam Alternatif Terbaik. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945051/undang-undang-jenayah-islam-alternatif-terbaik>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Farah Marshita, A. P. (2016). Hukuman mati berbeza di antara negara. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/149626/hukuman-mati-berbeza-di-antara-negara>. Diakses pada 9 Oktober 2023.
- Hairulazim, M., & Abdul Hamid, R. (2019). Setuju hapus hukuman mati mandatori kepada budi bicara. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/433146/setuju-hapus-hukuman-mati-mandatori-kepada-budi-bicara>. Diakses pada 9 Oktober 2023.
- Harian Metro. (2022). Adilkah Beri Peluang Kedua?. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/06/855886/adilkah-beri-peluang-kedua>. Diakses pada 12 Oktober 2023.
- Harian Metro. (2022). Tali Gantung Gagal Lawan Dadah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/06/853055/tali-gantung-gagal-lawan-dadah>. Diakses pada 10 Oktober 2023.
- J.E. Sahetapy. (2009). *Ancaman Jenayah Mati Terhadap Pembunuhan Berencana*. Malang: Setara Press.174.
- Jasser Auda. (2007). *Maqashid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law*. London: The International Institute of Islamic Thought. 22.
- Haron, R. (2019). Dihukum Mati Selalunya Keldai Dadah, Bukan Ketua Sindiket. *Malaysia kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/461079>. Diakses pada 10 Oktober 2023.
- Malaysia Kini. (2021). Desakan Mansuh Hukuman Mati Mandatori Kian Giat Disuarakan. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/595973>. Diakses pada 11 Oktober 2023.
- Mohamed Adil, M. A. (2022). Hak untuk Hidup dan Hukuman Mati: Respons Syariah terhadap Perundungan Antarabangsa. *Journal of the Malaysian Parliament*, 2, 200–225. <https://doi.org/10.54313/jurnalmp.v2i.58>.
- Mohamed Adil, M.A. (2022). Mansuh Hukuman Mati Mandatori Selari Ajaran Islam. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/06/965724/mansuh-hukuman-mati-mandatori-selari-ajaran-islam>. Diakses pada 1 Oktober 2023.

- Nelvitia Purba, G. (2016). *Hukuman Mati Dalam Konteks Undang-Undang Hak Asasi Manusia di Indonesia*. Universiti utara Malaysia.
- Noh, M.F. (2022). Bapa Zulfarhan Tak Setuju Mansuh Hukuman Mati Mandatori. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/06/851159/bapa-zulfarhan-tak-setuju-mansuh-hukuman-mati-mandatori>. Diakses pada 13 Oktober 2023.
- Nor Shah, M. S. (2023). Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori di Malaysia Menurut Perspektif Syariah: Satu Tinjauan Terhadap Kefahaman Mahasiswa. Universiti Malaya.
- Penerbitan. (2023). Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 Mula Berkuat Kuasa 4 Julai 2023. *Laman Web Rasmi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri*. <https://www.bheuu.gov.my/index.php/penerbitan/infografik/2850-akta-pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-2023-mula-berkuat-kuasa-4-julai-2023>, Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Rahmath Nisa & Jal Zabdi. (2014). Hukuman Mati: Satu Tinjauan dari Sudut Sejarah Perundangan di Malaysia. International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS), 1-9.
- Segu Alavudin, R. N., & Mohd Yusoff, J. Z. (2014). Hukuman Mati: Satu Tinjauan dari Sudut Sejarah Perundangan di Malaysia. International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014), September, 10–11.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2019). *Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia*. Buletin Jendela Data dan Informasi Kesehatan, 29–33.
- United Nations Human Right, Universal Declaration of Human Rights <https://www.ohchr.org/en/human-rights/universal-declaration/translations/malay-bahasa-melayu>. Diakses pada 10 Oktober 2023
- Utusan Borneo Online. (2023). Penjara, Sebatan Hukuman Gantian Paling Sesuai Bagi 11 Kesalahan Mati Mandatori. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/04/penjara-sebatan-hukuman-gantian-paling-sesuai-bagi-11-kesalahan-mati-mandatori>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Wan Junaidi, T. J. (2022). Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori Di Malaysia. *Laman Web Rasmi Majlis Keselemanan Negara*. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/06/10/pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-di-malaysia/>. Diakses pada 23 September 2023.
- Yusof, M.F. (2023). Reformasi Hukuman Mati Demi Keadilan Untuk Semua Pihak. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2023/04/1086190/reformasi-hukuman-mati-demi-keadilan-untuk-semua-pihak>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Yusof, W., & Azmi, M. H. M. (2022). Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 62–74. <https://doi.org/10.26475/jcil.2022.7.1.06>.